

Bermuamalat Dengan E-Dagang di Malaysia



Oleh: Muhamad Afiq Irfan Bin Hisham

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 5 Ogos 2021

Selaras dengan Revolusi Industri 4.0, rakyat Malaysia juga tidak ketinggalan dalam mengikuti peredaran arus semasa iaitu jual beli secara dalam talian.

Senario ini dapat dilihat dengan lebih ketara apabila wabak Covid-19 muncul, di mana rakyat Malaysia mula gemar menggunakan aplikasi digital seperti Shopee dan Lazada untuk membeli barang keperluan mereka.

Menurut Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, jumlah perniagaan dalam talian yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) meningkat saban tahun.

Sebanyak 489,958 perniagaan dalam talian didaftarkan pada tahun 2020 berbanding 243,560 pada tahun 2019. Perkembangan ini menunjukkan transaksi jual beli dalam talian semakin menjadi trend dan alternatif baharu bagi peniaga serta pembeli.

Penangguhan sementara operasi perniagaan bukan keperluan serta sekatan pergerakan sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah membuka lebih banyak peluang untuk industri e-dagang.

Menurut kajian Vase.ai, seramai 60 peratus responden di Malaysia aktif membeli secara dalam talian sejak pelaksanaan PKP berbanding sebelumnya.

Berdasarkan tinjauan pada kedai runcit dalam talian yang terkenal di Malaysia adalah Mydin Online dan Tesco Online.

Pengiklanan melalui internet adalah lebih berkesan kerana ia dapat menghubungkan pengguna dengan pengeluar secara langsung.

Oleh itu, penggunaan ejen dan pengedar dalam pemasaran dapat dikurangkan sekali gus mengurangkan kos yang ditanggung oleh pengeluar dalam memasarkan produk.

Selain itu, e-dagang dapat mengurangkan kos sewaan premis perniagaan atau gudang, insurans dan pemindahan barangan.

E-dagang juga memudahkan peniaga melakukan perubahan dari semasa ke semasa ke atas produk keluaran mereka daripada segi pengiklanan dan harga barangan.

Medium e-dagang juga dapat disalurkan kepada pengguna dengan cepat dan tepat walaupun mereka berada di rumah sahaja.

Sementara itu, pengguna dapat membuat perbandingan dan mempunyai pilihan dari segi harga, kualiti dan perkhidmatan.

E-dagang memberi banyak pilihan kepada pembeli dan menawarkan harga yang lebih kompetitif. Selain itu, ia juga mudah untuk diakses bagi mendapatkan pelbagai maklumat.

Pembelian secara dalam talian turut menjimatkan masa pengguna, seiring dengan sikap pembeli sekarang yang mahu semuanya serba pantas.

Di samping itu, pembelian secara dalam talian memberi keselesaan kepada pengguna. Mereka dapat membuat pertimbangan terhadap barang jualan sama ada berbaloi untuk dibeli atau sebaliknya.

Oleh itu, peniaga perlulah menyediakan maklumat yang tepat dan terkini agar dapat menarik minat pembeli.

Pada masa yang sama, pembeli dan penjual yang beragama Islam perlu bermuamalat mengikut syariat yang ditetapkan, supaya dapat menjamin kesucian harta yang digunakan dalam kehidupan seharian.

Terdapat dua persoalan berkaitan barang jualan dalam e-dagang iaitu hukum melakukan kontrak ke atas barang yang ghaib dan hukum melakukan kontrak ke atas barang yang masih tidak wujud.

Menurut Mazhab Hanafi, sesiapa yang membeli sesuatu barang yang tidak dilihat atau ghaib maka jual beli tersebut adalah sah.

Namun, dengan syarat akad tersebut dengan jelas menyatakan segala perkara berkenaan barang yang ditempah. Jika sebaliknya, mungkin boleh menimbulkan pertikaian antara kedua-dua pihak.

Walau bagaimanapun, mengikut Mazhab Shafie, pendapat pertama menyatakan adalah tidak sah sama sekali berkaitan dengan jual beli barang yang ghaib iaitu barang yang tidak dilihat oleh penjual dan pembeli, atau salah seorang daripada mereka berdua, sekalipun barang tersebut wujud semasa majlis kontrak kerana terdapat unsur-unsur penipuan.

Seterusnya pendapat yang kedua pula adalah, sah jual beli tersebut dengan syarat hendaklah dinyatakan sifat-sifatnya dengan jelas seperti spesifikasi barang, bahan yang digunakan, tempoh penyerahan dan bayaran dibuat ketika akad dilafazkan.

Arus kemodenan telah mewujudkan perniagaan secara e-dagang dengan pelbagai barangan yang disediakan bagi memenuhi permintaan pengguna.

E-dagang bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna, malah memudahkan urusan mereka. Ia juga merupakan muamalah yang tidak bercanggah dengan sistem jual beli yang ditetapkan oleh syarak.